

e-BULETIN JSKM

EDISI KHAS KEMERDEKAAN KE-67



JSKM 2024

“ Jiwa yang merdeka bukanlah bebas tanpa batasan, tetapi tunduk patuh kepada Sang Pencipta. ”

eISSN 2637-0077

9 7 7 2 6 3 7 0 0 7 0 0 4



MALAYSIA
MADANI
Jiwa Merdeka

Salam Kemerdekaan & Selamat Hari Malaysia

Isi Kandungan

- | | |
|--|----------------------------------|
| i. Kata Alu-aluan | 15 Apakah Pokok Kebangsaan Kita? |
| 01 Jiwa Merdeka | 18 Negaraku Malaysia |
| 02 Sedekad Tema Hari Kebangsaan Malaysia | 19 Tanah Airku Malaysia |
| 06 Kenali Tugu Negara Malaysia | 20 Harmony of Freedom |
| 08 Srikandi Kemerdekaan | 21 Erti Kemerdekaan |
| 11 Jejak Sejarah: Institusi Pendidikan Era British di Pulau Pinang | 22 Pantun Nazam Anak Merdeka |

Sidang Redaksi

Penasihat
Dr. Nor Hanim Abd Rahman

Ketua Editor
Dr. Siti Nurleena Abu Mansor

Ts. Jamal Othman

Editor
Pn. Siti Mariam Saad

En. Ahmad Rashidi Azudin

Pada 5 Jun 2024 bersamaan dengan 27 Zulkaedah 1445H, Menteri Komunikasi dan Digital iaitu Yang Berhormat Fahmi Fadzil telah mengumumkan logo dan tema sempena Hari Kebangsaan Hari Malaysia (HKHM 2024) di Putrajaya. HKHM 2024 kali ini masih mengekalkan logo yang sama seperti tahun sebelumnya tetapi memilih tema yang baharu iaitu "**Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka**".



Tema ini dipilih kerana ia melambangkan kesepadan secara keseluruhan dalam negara maju dan progresif yang melindungi rakyatnya yang berbilang kaum, bersatu hati dan mempunyai jati diri yang kukuh. Sebagaimana yang diketahui, Malaysia MADANI merujuk kepada tunjang kemakmuran dan kemajuan negara melalui sokongan kepada enam nilai teras utama iaitu kemampanan, hormat, kesejahteraan, keyakinan, daya cipta dan ihsan. Berdasarkan ilmu pengetahuan, tradisi, khazanah dan kearifan tempatan, kerangka Malaysia MADANI membantu mewujudkan masyarakat maju dan bertamadun. Sementara itu, Jiwa Merdeka pula membawa makna rakyat Malaysia yang bebas daripada pengaruh negatif dalam menterjemahkan semangat patriotik dari sudut pemikiran, integrasi sosial dan ekonomi. Melalui falsafah ini, negara mampu membentuk kesatuan rakyat yang kukuh, harmoni dan progresif. Berkenaan logo, berikut diterangkan secara terperinci tentang rasional logo Malaysia MADANI.



Rujukan: <https://www.tcer.my/hari-kebangsaan-2024/>

Semoga kita sentiasa bersemangat menyambut Hari Kemerdekaan dan bersyukur kepada Tuhan atas segala nikmat yang telah dikurniakanNya.

Jiwa Merdeka

Zuraira binti Libasin, Nur Azimah binti Idris
& Noor Azizah binti Mazeni

